

# Negara Islam mampu maju — PM

UM 15 OCT 2003

**P**UTRAJAYA 14 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara Islam mampu mencapai kemajuan dalam perindustrian seperti negara-negara maju kerana mereka memiliki tenaga pakar yang secukupnya untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, negara Islam bagaimanapun perlu menyediakan persekitaran dan infrastruktur secukupnya bagi memudahkan pakar-pakar itu, yang kebanyakannya berada di negara-negara maju, kembali untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan di negara masing-masing.

“Kita perlu mengejar kemajuan (negara-negara maju) dan kita boleh melakukannya kerana kita mempunyai ‘otak (tenaga pakar) yang secukupnya, tetapi semua mereka berada di luar negara untuk membuat penyelidikan bagi negara maju.

“Kita ketinggalan, kita

ditinggalkan oleh mereka ini kerana kita tidak membayar gaji yang cukup kepada mereka dan kita tidak menyediakan makmal yang sesuai untuk mereka menjalankan penyelidikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Ekspo Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 2003 di hadapan Pusat Konvensyen Putrajaya, hari ini.

Ekspo yang berlangsung sehingga 19 Oktober itu diadakan sempena Sidang Kemuncak Ke-10 OIC dengan disertai oleh lebih 600 buah syarikat dari dalam dan luar negara.

Menurut Perdana Menteri, negara-negara Islam mungkin sudah menjadi maju sekarang jika umat Islam tidak terpengaruh dengan takrifan serong sesetengah pihak yang menentang sebarang kemajuan kebendaan.

“Dulu, semasa saya kecil, ada yang kata kita tidak boleh gunakan tena-

ga elektrik di masjid-masjid kerana kononnya kita tidak boleh gunakan benda yang dicipta oleh orang bukan Islam. Begitu juga dengan kerajaan Turki yang terpaksa menyimpan sahaja mesin pencetak yang mereka beli kerana ada orang menentang.

“Kalaulah kita tidak disekat oleh interpretasi agama yang pelik seperti itu, mungkin kita sudah pun maju seperti negara perindustrian lain atau mungkin juga lebih maju dari mereka tetapi malangnya, kita langsung terlepas revolusi industri,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, pihak yang membuat interpretasi songsang bahawa Islam tidak mahu umatnya mencapai kemajuan duniawi lupa bahawa syiar Islam dapat dikembangkan ke seluruh dunia kerana kejayaan awal orang Islam dalam perdagangan.

“Di Malaysia, kami menerima Islam di Melaka

kira-kira 600 tahun lalu hasil dakwah yang dibawa oleh para pedagang Muslim dari Arab, India dan lain-lain.

“Jelas orang Melayu amat tertarik dan mahu mendengar dakwah Islam selepas melihat sendiri kekayaan dan kejayaan yang ditunjukkan oleh para pedagang itu.

“Jelas juga para saudagar itu bukannya menarik minat orang Melayu dan bukan kerana mereka bersyarah mengenai agama sahaja,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata, seruannya supaya negara Islam berusaha mencapai kemajuan tidak bermakna bahawa beliau mahukan mereka mendominasi dunia.

“Apa yang saya kata cuma kita tidak boleh ketinggalan di belakang.

“Kita harus buktikan kita bukannya kelas kedua dalam apa-apa yang kita lakukan,” kata Perdana Menteri.